

STPM Kertas 1 2016:

Soalan 3 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga alasan mengapa liabiliti diklasifikasikan kepada liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang:

1. Mematuhi piawaian perakaunan yang memerlukan pendedahan di penyata kewangan mengikut tempoh masa liabiliti.
2. Membantu pihak pengguna menganalisis penyata kewangan untuk mengetahui kestabilan kedudukan kewangan pada jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
3. Membantu pihak pengurus untuk menguruskan kecairan jangka masa pendek serta struktur modal yang optima bagi tujuan menambahkan kekayaan pemilik perniagaan.

(b) Penyata kedudukan kewangan pada 30 April 2014 (petikan bahagian liabiliti):

	RM	RM
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	120,000	
Pendahuluan daripada pelanggan	48,000	
KWSP belum bayar	36,000	
Belanja faedah terakru	16,000	
Nota belum bayar	40,000	
Cukai belum bayar	57,000	317,000
Liabiliti bukan semasa:		
Nota belum bayar	120,000	
Gadai janji	240,000	360,000

(c) (i) Jadual pembayaran pinjaman dan faedah pinjaman:

Alternatif 1: Menerbitkan nota belum bayar

Tarikh	Baki awal (RM)	Pembayaran balik (RM)	Faedah (RM)	Baki akhir (RM)
1 Mei 2014	120,000	-	-	120,000
1 Ogos 2014	120,000	(120,000)	(2,700)	0

Alternatif 2: Pinjaman enam bulan

Tarikh	Baki awal (RM)	Ansuran (RM)	Faedah (RM)	Baki akhir (RM)
2014, Mei 1	120,000	-	-	120,000
Jun 1	120,000	(20,000)	(800)	100,000
Jul 1	100,000	(20,000)	(667)	80,000
Ogos 1	80,000	(20,000)	(533)	60,000
Sept 1	60,000	(20,000)	(400)	40,000
Okt 1	40,000	(20,000)	(267)	20,000

Nov 1	20,000	(20,000)	(133)	0
JUMLAH		(120,000)	(2,800)	

(ii) Saya cadangkan bahawa pihak pengurusan perlu memilih alternatif yang kedua dengan andaian syarikat ini berkeupayaan untuk menjana sekurang-kurangnya RM20,000 kecairan lebih untuk membayar ansuran pinjaman ini. Cadangan ini dibuat berdasarkan alasan berikut:

- Kadar faedah yang lebih rendah apabila perbandingan dibuat secara tahunan (annualised).
- Pembayaran balik bagi alternatif 1 adalah pada awal bulan Ogos. Keadaan kecairan belum lagi pulih pada masa itu.
- Menunjukkan keupayaan membayar balik kepada pembekal tanpa melanjutkan tempoh pembayaran balik atau menukarkan kepada nota belum bayar. Cara ini akan menyakinkan pembekal mengenai kemampuan perniagaan untuk membayar balik hutang.